



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***BUDAYA KETARA DALAM TEKS SULALATUS SALATIN DAN MISA  
MELAYU***

**SITI RABIATUL ADAWIYAH JAFFAR**

**FBMK 2017 59**



**BUDAYA KETARA DALAM TEKS  
SULALATUS SALATIN DAN MISI MELAYU**

Oleh

**SITI RABIATUL ADAWIAH BINTI JAFFAR**

Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

Ogos 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



**DEDIKASI**

Khas buat pencinta ilmu.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**BUDAYA KETARA DALAM TEKS  
*SULALATUS SALATIN DAN MISA MELAYU***

Oleh

**SITI RABIATUL ADAWIAH BINTI JAFFAR**

Ogos 2017

Pengerusi : Arba'ie bin Sujud, PhD  
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji budaya ketara dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional yang berfokus kepada dua buah teks historiografi, iaitu *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu*, bersandarkan kepada beberapa permasalahan yang timbul. Masalah ini timbul akibat lambakan kajian kebudayaan dalam teks historiografi dianggap kurang memberi impak. Hal ini demikian kerana, kajian terbabit masih berfokus kepada perkara yang sama, iaitu berkait dengan aspek politik, ekonomi dan sosial. Tambahan pula, kajian budaya ketara menerusi teks terbabit juga menimbulkan pelbagai reaksi yang akhirnya mencetuskan polemik. Hal ini melibatkan keupayaan teks historiografi seperti *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu* dalam mengutarakan budaya ketara masyarakat Melayu. Oleh hal demikian, penelitian ini akan bertumpu kepada tiga objektif, iaitu mengklasifikasikan jenis-jenis budaya ketara dalam teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu*, menjelaskan fungsi dan kesan budaya ketara terhadap masyarakat Melayu sebagaimana yang terdapat di dalam teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu* serta merumuskan keupayaan teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu* dalam memanifestasikan budaya ketara masyarakat Melayu. Kaedah kajian ini bertumpu kepada kajian kualitatif dengan pengaplikasian teori kebudayaan Malik Bennabi, bersandarkan kepada empat unsur utamanya, iaitu prinsip moral, estetika, logik kerja dan teknologi. Hasil penelitian, didapati bahawa teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu* terkandung budaya ketara yang dapat mengungkap perihal kedinamikan budaya, menerusi hubungannya dengan alam, agama dan kepercayaan serta pandangan hidup masyarakat sekali gus memperlihatkan jalinan antara hubungan antara aspek material dengan nilai. Hal ini mewujudkan kepentingan budaya ketara sebagai wadah pembentuk peradaban dan pembangunan Melayu. Dengan itu, jelas bahawa teks historiografi Melayu seperti *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu* mampu mengungkap perihal budaya ketara dalam kalangan masyarakat Melayu, seterusnya mengangkat teks tersebut sebagai karya yang kaya dengan pelbagai maklumat berkaitan kebudayaan, termasuklah budaya ketara dalam mengetengahkan pencapaian masyarakat bagi membentuk peradaban dan pembangunan bangsa Melayu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of  
the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**TANGIBLE CULTURE IN  
*SULALATUS SALATIN AND MISA MELAYU***

By

**SITI RABIATUL ADAWIAH BINTI JAFFAR**

**August 2017**

**Chairman : Arba'ie bin Sujud, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

This research aims to study the culture of traditional Malay community focused to the two historiography texts, namely *Sulalatus Salatin* and *Misa Melayu*, based on the problems that arise. This problem arise when a throng of cultural study in historiography text is still considered giving less impact because of the research is still focused on the same thing, that relate to the political, economic and social aspect. In fact, review of tangible culture through text involved also received various reactions that at the end raised the polemic that involves the capabilities of historiography text such as *Sulalatus Salatin* and *Misa Melayu* in addressing the tangible culture among the Malay community. By such things, this research focusing on three objectives, which are to classify the types of tangible culture in *Sulalatus Salatin* and *Misa Melayu*, to explain the functions and effects of tangible culture to the Malay community as mentioned in the text and to summarize the capabilities of the *Sulalatus Salatin* and *Misa Melayu* in manifestation the tangible culture towards Malays. The methodology of research focuses on qualitative study with the application of Malik Bennabi Cultural theory, depends on its four main elements, namely the moral, esthetics, practical logic and technical and industry. The result of this research found that text in *Sulalatus Salatin* and *Misa Melayu* contained the tangible culture that reveal about cultural dynamism, through its relationship with nature, religion and belief as well as the view of life thus exposes the interlaced between the relationship with the material aspect and value. This is creating tangible cultural importance as a shaper in Malay civilization and development. Thus, the Malay historiography text such as in *Sulalatus Salatin* and *Misa Melayu* can reveal about the culture of the Malay community, thereby lifting the text as rich work with a wealth of information related to culture in promoting the achievement of society that formed Malay civilization and development.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan berkat dan rahmat-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Arba'ie Bin Sujud selaku Pengurus Jawatankuasa Penyeliaan di atas kepercayaan, sokongan, panduan, tunjuk ajar dan nasihat dalam penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Kamariah Binti Kamarudin dan Dr. Salmah Jan Binti Noor Muhammad selaku Ahli Jawatankuasa di atas komen, cadangan serta nasihat yang telah diberikan sepanjang proses kajian ini. Jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga juga diucapkan kepada keluarga tersayang terutamanya Tuan Hj Jaffar Bin Hj Ramlan dan Pn. Hjh Salmiah Binti Hj Ramlan, kakak-kakak dan adik serta ahli keluarga yang memberi semangat serta dorongan bagi menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan para pensyarah FBMK dan JBM, staf FBMK, staf PSAS, staf SPS dan rakan-rakan seperjuangan di atas bantuan, tunjuk ajar, layanan, perkongsian ilmu, sokongan dan dorongan sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada staf Perpustakaan Tun Sri Lanang, Staf Perpustakaan Universiti Malaya, staf Perpustakaan DBP, staf Akademi Pengajian Melayu, staf ATMA, staf Perpustakaan Negara, staf Arkib Negara dan individu-individu yang banyak memberi bantuan dan tunjuk ajar sepanjang proses penghasilan dan kemas kini tesis ini. Tidak lupa juga kepada pihak penajaan, Kementerian Pengajian Tinggi dan MYBRAIN15 di atas tajaan. Akhir kata ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Sokongan anda semua amat saya hargai sepanjang hayat dan semoga semuanya sentiasa dalam limpahan rahmat-Nya.

Siti Rabiatul Adawiah binti Jaffar,  
Universiti Putra Malaysia.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 14 Ogos 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Siti Rabiatul Adawiah binti Jaffar bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Budaya Ketara dalam Teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu*” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Mohd Zariat bin Abdul Rani, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Mohamad Mokhtar Abu Hassan, PhD**

Profesor

Universiti Malaya  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 Oktober 2017

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut

**Arba'ie bin Sujud, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Kamariah binti Kamarudin, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Professor dan Dekan,

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

### **Perakuan pelajar siswazah:**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah – Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah– Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah– Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012–2013) dan Kaedah–Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No Matrik : Siti Rabiatul Adawiah binti Jaffar , GS37524

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan:Prof. Madya Dr. Arba'ie bin Sujud

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Prof .Madya Dr. Kamariah binti Kamarudin

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad

## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii

### BAB

<b>I PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.5 Batasan Kajian	6
1.6 Definisi Operational	7
1.7 Kesimpulan	9
<b>II SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	10
2.2 Sorotan Literatur Teks Historiografi Melayu	10
2.3 Sorotan Literatur Budaya Ketara	15
2.4 Sorotan Literatur Teori Kebudayaan	19
2.5 Kesimpulan	23
<b>III METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	24
3.2 Kerangka Konsep Kajian	24
3.3 Kaedah Kajian	24
3.4 Kerangka Konsep Teoretikal	24
3.5 Teori Kebudayaan	24
3.5.1 Faktor Penghasilan Teori	25
3.5.2 Latar Belakang Teori	26
3.5.3 Unsur Teori Kebudayaan Malik Bennabi	31
3.5.3.1 Prinsip Moral	31
3.5.3.2 Estetika	33
3.5.3.3 Logik Kerja	33
3.5.3.4 Teknologi	35
3.5.4 Rasional Pemilihan Teori	35
3.6 Kesimpulan	36

<b>IV</b>	<b>BUDAYA KETARA DALAM <i>SULALATUS SALATIN DAN MISA MELAYU</i></b>	
4.1	Pengenalan	37
4.2	Jenis-Jenis Budaya Ketara	37
4.2.1	Budaya Ketara Statik	37
4.2.1.1	Kawasan Sejarah	37
4.2.1.2	Kota	41
4.2.1.3	Bangunan	44
4.2.2	Budaya Ketara Mudah Alih	52
4.2.2.1	Alat Logam	52
4.2.2.2	Tekstil	57
4.3	Fungsi Budaya Ketara Terhadap Masyarakat Melayu	61
4.3.1	Fungsi Gunaan	61
4.3.1.1	Budaya Ketara sebagai Keperluan Asas Masyarakat Melayu	61
4.3.1.2	Budaya Ketara sebagai Kelengkapan Adat-Istiadat Melayu	77
4.3.2	Fungsi Simbolik	84
4.3.2.1	Budaya Ketara sebagai Lambang Identiti Melayu	84
4.3.2.2	Budaya Ketara sebagai Lambang Komunikasi	101
4.3.2.3	Budaya Ketara sebagai Lambang Hubungan antara Kerajaan	109
4.4	Kesan Budaya Ketara dalam <i>Sulalatus Salatin dan Misa Melayu</i>	117
4.4.1	Kriteria Kesan Budaya Ketara terhadap Masyarakat Melayu	117
4.4.1.1	Kesan Keselamatan	118
4.4.1.2	Kesan Politik	124
4.4.1.3	Kesan Ekonomi	129
4.4.1.4	Kesan Kepercayaan	132
4.4.1.5	Kesan Penghormatan dan Maruah	136
4.5	Rumusan Keupayaan Teks <i>Sulalatus Salatin</i> dan <i>Misa Melayu</i> dalam Memanifestasikan Budaya Ketara bagi Masyarakat Melayu	139
4.5.1	Teks <i>Sulalatus Salatin</i> dan <i>Misa Melayu</i> Menjelaskan Budaya Ketara Secara Menyeluruh	139
4.5.2	Teks <i>Sulalatus Salatin</i> dan <i>Misa Melayu</i> Menjelaskan Keupayaan Budaya Ketara dalam Pembentukan Peradaban Masyarakat Melayu	141
4.5.2.1	Sosial	141
4.5.2.2	Politik	142
4.5.2.3	Ekonomi	143
4.5.2.4	Kepercayaan	143
4.5.3	Teks <i>Sulalatus Salatin</i> dan <i>Misa Melayu</i> Menjelaskan Keupayaan Budaya Ketara dalam Pembentukan Pembangunan Melayu	145
4.5.3.1	Ilmu Teknologi	145
4.5.3.2	Keseimbangan Optimum	147
4.5.3.3	Gerak Kerja Produktif	148

4.6	Kesimpulan	149
<b>IV</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	150
5.2	Rumusan Jenis-Jenis Budaya Ketara	150
5.3	Rumusan Fungsi-fungsi Budaya Ketara	151
5.4	Rumusan Kesan-kesan Budaya Ketara Dalam <i>Sulalatus Salatin dan Misa Melayu</i>	152
5.5	Rumusan Keseluruhan Keupayaan Teks <i>Sulalatus Salatin dan Misa Melayu</i> dalam Memantik Budaya Ketara bagi Masyarakat Melayu	155
5.6	Cadangan	156
5.7	Kesimpulan	157
<b>RUJUKAN</b>		158
<b>LAMPIRAN</b>		175
<b>BIODATA PELAJAR</b>		187
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		188

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Senarai Bahan Kajian	175
4.1	Kawasan Sejarah yang Terdapat dalam Teks <i>Sulalatus Salatin</i>	176
4.2	Kawasan Sejarah yang Terdapat dalam Teks <i>Misa Melayu</i>	177
4.3	Senarai Kota-Kota Melayu yang Terdapat dalam Teks <i>Sulalatus Salatin</i>	178
4.4	Senarai Kota-Kota Melayu yang Terdapat dalam Teks <i>Misa Melayu</i>	179
4.5	Dapatan Seni Bina Masyarakat Melayu dalam Teks <i>Sulalatus Salatin</i>	180
4.6	Dapatan Seni Bina Masyarakat Melayu dalam Teks <i>Misa Melayu</i>	181
4.7	Senarai Senjata Masyarakat Melayu yang Terdapat dalam Teks <i>Sulalatus Salatin</i> dan <i>Misa Melayu</i>	182
4.8	Budaya Ketara Melayu Tekstil dalam Teks <i>Sulalatus Salatin</i> dan <i>Misa Melayu</i>	183
4.9	Ukuran Kesan Kesejahteraan Berdasarkan Budaya Ketara dalam <i>Sulalatus Salatin</i> dan <i>Misa Melayu</i>	184
4.10	Penggunaan Warna Pada Budaya Ketara Tekstil Berdasarkan Sistem Sosial Masyarakat Melayu dalam <i>Sulalatus Salatin</i> dan <i>Misa Melayu</i>	185
4.11	Kesan Kepercayaan pada Motif Melayu dalam <i>Sulalatus Salatin</i> dan <i>Misa Melayu</i>	185
4.12	Budaya Ketara Sebagai Kiasan yang Menonjolkan Kesan Penghormatan dan Maruah dalam <i>Sulalatus Salatin</i> dan <i>Misa Melayu</i>	186

## **SENARAI SINGKATAN**

IKHM	Indeks Kesejahteraan Hidup Malaysia
UNESCO	The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
DPN	Dasar Pembangunan Nasional

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu* merupakan antara karya kesusasteraan tradisional yang tergolong dalam genre historiografi. Kedua-duanya, sebagaimana teks historiografi yang lain, dianggap sebagai citra tamadun sesuatu bangsa dan lakaran peradaban masyarakat Melayu (Manu Sikana, 2003: xiv). *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu* dilihat sebagai antara teks yang banyak menyorot tentang asal-usul dan perkembangan bangsa tersebut, memberi gambaran jelas tentang latar belakang masyarakatnya. Harun Mat Piah dan rakan-rakan (2006: 325) menjelaskan bahawa melalui karya historiografi, masyarakat Melayu yang wujud kini bukanlah masyarakat yang tidak tentu hala keturunannya, malah masyarakat Melayu yang digambarkan dalam karya historiografi merupakan masyarakat yang gilang-gemilang, mempunyai peradaban yang tinggi, beradab, beradat dan berperaturan.

Dalam pada itu, teks berkenaan turut membicarakan kehidupan dan keadaan masyarakat Melayu tradisional secara menyeluruh, termasuk perihal kehidupan golongan diraja dan kehidupan masyarakat Melayu dalam kalangan rakyat (Noriah Taslim, 2009: 57). Hal ini menjadikan karya tersebut sebagai bahan bertulis yang benar-benar menggambarkan masyarakat Melayu pada zaman itu, meliputi pelbagai kegiatan, peraturan dan cara hidupnya yang terangkum sebagai budaya hidup masyarakat berkenaan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohd Taib Othman (1966: 32), historiografi merupakan lukisan kebudayaan masyarakat Melayu, malah terdapat banyak unsur budaya yang terkandung dalam karya tersebut yang digambarkan menerusi naratif tentang bangsa, meliputi struktur masyarakat tradisional Melayu, perjuangan, sikap, kepercayaan dan cita-cita yang sesuai dengan kehendak sezaman.

Dalam hubungan ini, kebudayaan jelas sebagai bidang yang dinyatakan terdapat pada teks historiografi, termasuklah *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu*. Misalnya dalam teks *Sulalatus Salatin*, Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan yang juga dikenali sebagai *United Nations Educational, Scientific And Cultural Organization* (seterusnya UNESCO) memerihalkan kebudayaan Melayu yang terkandung di dalamnya, merangkumi transisi perubahan masyarakat Melayu dari Hindu-Buddha kepada Islam, bahkan dirujuk sebagai karya yang mencorakkan persejarahan bangsanya (Hashim Awang et.al., 2016: 6). Hal ini apabila konsep naratif yang menganjur kepada aspek persejarahan merangkumi mitos lagenda, teladan dan ingatan, humor dan sarkastik, wanita dan gender, kerajaan dan tetangga, muamalah dan agama, pelabuhan dan pelayaran, ragam dan pakaian, nafsu dan kebendaan (Hashim Awang et.al., 2016: 7). Oleh hal demikian, berdasarkan pandangan tersebut, jelas memperlihatkan hubungannya dengan kebudayaan Melayu, merangkumi budaya ketara, iaitu budaya bersifat kebendaan dan budaya tidak ketara, iaitu tidak bersifat kebendaan.

Sementara itu, budaya ketara merupakan budaya yang bersifat kebendaan yang di dalamnya mempunyai nilai tidak ketara, yang diwarisi dari generasi lalu, dipelihara bagi kepentingan masa akan datang (UNESCO, 2012). Hal ini berlaku apabila budaya benda dilihat membentuk sebahagian pemakaian dan pengayaan budaya Melayu dalam sesebuah masyarakat sebagaimana yang dijelaskan oleh Barrie Reynolds (1983: 212), iaitu budaya benda merupakan sebahagian daripada budaya dalam setiap masyarakat, yang dapat dilihat pada aspek ketara. Hubungan antara keduanya dapat menarik perhatian masyarakat dalam meneliti budaya benda sebagai budaya khalayak.

Sehubungan itu, aspek kebendaan yang terdapat pada budaya sesebuah masyarakat adalah aspek penting yang harus diteliti. Budaya ketara yang dianggap sebagai budaya material merupakan nilai tambah kepada aspek warisan ketara dan mampu menarik perhatian masyarakat bagi menghayati produk budaya, seterusnya menyumbang kepada masyarakat khalayaknya (Reynolds, 1983: 212-213). Dalam konteks ini, budaya ketara dilihat mempunyai kepentingan dan kelebihan, yang bukan sahaja hadir dalam keadaan berbentuk malah mempunyai kualiti dan nilai tertentu. Hakikatnya, penelitian terhadap budaya ketara ini menganjur kepada beberapa keadaan, iaitu penilaian tahap kognitif, merangkumi kepakaran dan kearifan, kegiatan aktiviti, pemerolehan bahan dan teknologi pembuatan serta nilai, kepercayaan dan kecenderungan pembuat dan pengguna objek (Prown, 1982).

## 1.2 Penyataan Masalah

Pengkajian yang berfokus terhadap kebudayaan dalam teks historiografi Melayu bukanlah suatu kajian yang baharu. Walau bagaimanapun, kajian kebudayaan terbabit cenderung bertumpu kepada tiga aspek penelitian, iaitu politik, ekonomi dan sosial. Namun begitu, pengkajian yang selaras tanpa adanya sebarang pembaharuan menyebabkan adanya lompong kosong dalam bidang akademik, seterusnya menyebabkan wujudnya kekurangan penguasaan dalam sesuatu bidang terutamanya dalam bidang kebudayaan. Hal ini telah ditekankan oleh Syed Husin Ali (Jamilah Haji Ahmad ed., 1981: 82-83), iaitu berkenaan kecenderungan pengkaji historiografi Melayu dalam mengkaji sebahagian aspek kebudayaan Melayu, walhal, historiografi dianggap sebagai sumber terbaik untuk mengkaji perihal keseluruhan kebudayaan masyarakat terbabit.

Dalam hubungan ini, kebudayaan merupakan antara bidang ilmu yang luas, sehingga wujudnya kepelbagaian rangkaian atau pecahan dalam penelitiannya. Misalnya warisan budaya dalam sesebuah masyarakat yang dibahagikan kepada dua pembahagian, iaitu budaya ketara dan budaya tidak ketara. Budaya ketara merupakan budaya bersifat benda yang dapat dilihat menerusi pancaindera, dihayati secara tersurat dan tersirat bergantung pada unsur-unsur yang terdapat padanya. Hal ini melibatkan interaksi dan kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat khalayak. Hakikatnya, budaya ketara dan masyarakat merupakan dua perkara yang tidak dapat dipisahkan, malah, dianggap penting dalam pembangunannya, melibatkan masa lalu, kini dan akan datang sekali gus membawa kepada keperluan pendokumentasian.

Pada waktu yang sama, pendokumentasian budaya ketara dalam kalangan masyarakat Melayu telah lama dilakukan, iaitu sejak munculnya tradisi penulisan yang mencatatkan pelbagai pengalaman dan ilmu yang mendasari khalayak ketika itu, misalnya karya historiografi seperti *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu*. Hal ini diakui sendiri oleh UNESCO (2001) dengan menyenaraikan sejumlah manuskrip Melayu sebagai *Full Registered Heritage* yang di dalamnya terkandung pelbagai maklumat termasuklah perihal budaya ketara.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pandangan yang menganggap karya-karya tersebut tidak mampu mengungkap perihal budaya ketara yang wujud dalam kalangan masyarakat. Hal ini demikian kerana karya historiografi dianggap sebagai karya bertulis yang tidak bersikap adil terhadap budaya ketara. Teks berkenaan tidak menggambarkan apa-apa pengalaman masyarakat lalu tentang penggunaan objek budaya tersebut, bahkan menyebabkan tenggelamnya maklumat di sebalik kewujudan budaya ketara, menguburkan segala pengalaman dan menyekat segala akses ke atasnya (Latour, 1993: 82).

Tambahan pula, karya historiografi dikatakan sebagai bahan persejarahan berbentuk tanggapan. Teks berkenaan dinyatakan sebagai karya berpusat kepada cerita rekaan yang memerihalkan keagungan pemikiran, masyarakat, politik dan ideologi yang dilihat tidak berkait dengan budaya ketara, dianggap sebagai narator bertulis untuk kepentingan tertentu, mengadang kepada kebenaran, dan mengarah kepada keterbalikan teori yang mencipta paradigma (Bjørnar Olsen, 2003: 100). Pengkajian budaya ketara dalam karya tersebut juga dikatakan bertumpu kepada penggalian maklumat yang bersifat lapuk, disebabkan kaitannya dengan persejarahan dan masa lalu dan tidak menyumbang kepada keberhasilan ilmu yang penting untuk masa kini dan akan datang (Bjørnar Olsen, 2003: 90).

Pada waktu yang sama, wujudnya percanggahan pandangan apabila terdapat beberapa sarjana yang memperakukan kepentingan karya bertulis dalam mengungkap perihal budaya ketara. Hal ini apabila pengkajian menerusi renungan tersebut tidak membawa budaya ketara ke takat tinggi atau meluas, namun, pada masa yang sama kehidupan masyarakat pula semakin lama semakin berkembang setara kebendaan, pengkajian budaya ketara ini dilihat cenderung kepada fokus pemikiran dan perlambangan, iaitu budaya ketara sebagai metafora, simbol, ikon, mesej menerusi teks (Löfgren, 1997:103). Hal ini juga diperakukan Barbara Bender (2002: 136-137), apabila beliau menekankan kepentingan karya bertulis dalam mengetengahkan budaya ketara, yang dikatakan unik apabila budaya ketara dilihat bergerak bersama-sama manusia atau masyarakatnya. Pandangan terbabit bukan sahaja diakui oleh para ilmuwan arkeologi, malah oleh sasterawan dan budayawan. Menurut Siti Zainon Ismail (1994), budaya ketara dalam karya kesusteraan penting sebagai sumber etnografi yang telah lama wujud dalam kebudayaan tradisional masyarakat Melayu. Justeru hal ini memperlihatkan wujudnya perihal budaya ketara dalam karya bertulis seperti historiografi, berserta kepentingan yang jelas menyumbang kepada masyarakatnya, menerusi metafora, simbol, ikon dan mesej.

Dalam hubungan ini, penelitian budaya ketara berasaskan kepada teks dilihat sebagai kajian alternatif yang bersifat relevan dan wajar dijalankan bagi mengetengahkan keupayaan budaya ketara dalam membentuk ilmu pengetahuan rasional, bukan sahaja mengarah kepada penelitian persejarahan masyarakat, malah turut menjadi panduan membentuk masa depan khalayaknya. Malah, teks terbabit juga berupaya memperlihatkan perkembangan masyarakat yang jelas merangkumi proses evolusi bukan sahaja kebudayaan, malah fikiran dan pandangan hidup mereka. Hal ini demikian kerana, teks sastera tersebut berfokus kepada perihal ilmu pengetahuan, seterusnya mengungkap kepada kemajuan pembangunan dalam pelbagai bidang kehidupan bagi membentuk tabiat kesempurnaan, merangkumi estetika dan didaktik (Muhd Norizam Jamian et.al., 2016: 88). Malah, penghasilan karya tersebut juga jelas sebagai satu bentuk komunikasi, sebagaimana yang dijelaskan pada petikan:

“Hamba dengar ada hikayat Melayu yang dibawa oleh orang Goa barang kita perbaiki kiranya dengan istiadat supaya diketahui oleh anak kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingat oleh segala mereka itu, syahdan adalah beroleh faedah daripadanya”

(Sulalatus Salatin, 1979: xxi)

Di samping itu, teks historiografi ini juga diperkaya dengan pengetahuan meliputi budaya, politik, ekonomi dan agama yang menjadi sumber inspirasi masyarakat Melayu kini bagi pembinaan pembangunan tamadun dan identiti Melayu (Harun Mat Piah et.al., 2006: 325). Dengan kata lain, teks historiografi lahir sebagai satu wadah dalam memastikan kelangsungan budaya Melayu agar diketahui dan diamalkan generasi kemudian dalam menjelaskan identiti masyarakatnya. Hubungan budaya dan pembangunan sesebuah masyarakat mempunyai perkaitan yang rapat kerana wujudnya hasil budaya, menandakan adanya tamadun dalam sesebuah bangsa. Tambahan pula, budaya ketara yang wujud, di dalamnya terkandung kriteria budaya bukan ketara, yang menyumbang kepada keseimbangan material dan nilai, sekali gus menjadi kayu ukur kepada pencapaian dan tatacara kehidupan masyarakatnya (Wan Hashim Wan Teh, 2001: 72).

Penyatuan yang terjalin memperlihatkan keagungan dan ketinggian peradaban sesebuah masyarakat. Hal ini menjadikan budaya ketara sebagai hasil budaya yang perlu dikenal pasti dan diteliti (Sabzali Musa Kahn, 2012). Oleh hal demikian, jelas bahawa karya historiografi merupakan sumber teks yang mampu menjelaskan keberhasilan budaya ketara dalam mengungkap perihal masyarakatnya, yang jelas berfokus kepada masyarakat Melayu selaku khalayak. Oleh itu, beberapa persoalan dapat ditimbulkan menerusi penelitian ini, iaitu:

1. Apakah keupayaan teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu* dalam mengungkap jenis-jenis budaya ketara dalam kalangan masyarakat Melayu?
2. Bagaimanakah teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu* menjelaskan fungsi-fungsi budaya ketara dalam kalangan masyarakat Melayu?
3. Bagaimanakah teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu* menjelaskan kesan-kesan budaya ketara dalam kalangan masyarakat Melayu?

4. Sejauh manakah teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu* dapat memanifestasikan budaya ketara dalam kalangan masyarakat Melayu?

### **1.3 Objektif Kajian**

Pengkajian ini bertumpu kepada beberapa objektif, iaitu:

- I. Mengklasifikasikan jenis-jenis budaya ketara yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu menerusi teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu*.
- II. Menjelaskan fungsi dan kesan budaya ketara terhadap masyarakat Melayu sebagaimana yang terdapat di dalam teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu*.
- III. Merumuskan keupayaan teks *Sulalatus Salatin* dan *Misa Melayu* dalam memanifestasikan budaya ketara dalam kalangan masyarakat Melayu.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Penelitian terhadap budaya ketara dalam historiografi Melayu penting bagi memahami corak pemikiran masyarakat terutamanya untuk menilai fungsi budaya berkenaan terhadap pembangunan masyarakat Melayu. Tambahan pula, pemikiran dan ideologi yang disampaikan melalui budaya tersebut bukanlah secara harfiah, malah memerlukan penelitian dan pemahaman mendalam seterusnya membuktikan pengkajian terhadap budaya ketara ini penting dalam usaha mendekati pemikiran masyarakat khalayak.

Kajian ini juga memberi pendedahan secara komprehensif mengenai budaya ketara yang telah menjadi amalan masyarakat Melayu sejak zaman kesultanan silam. Pendedahan ini dapat membuka mata generasi muda tentang kebudayaan masyarakat Melayu, kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai dalam membina peradaban masyarakatnya. Hal ini mengakibatkan lahirnya pelbagai tanggapan imej dan pandangan yang berbeza terhadap budaya ketara, seterusnya mendedahkan perihal bangsa Melayu tradisional sebagai masyarakat yang maju dan setanding dengan bangsa-bangsa lain.

Sementara itu, kupasan perihal kebudayaan Melayu menerusi teks kajian sebelum ini jelas mengarah kepada aspek yang hampir sama, merangkumi politik, ekonomi dan sosial. Oleh hal yang demikian, pengkajian ini cenderung menghasilkan tanggapan dan pemikiran yang berbeza dalam penelitian budaya. Melalui kajian ini, generasi muda dapat didebak tentang kebijaksanaan pengarang Melayu yang menyelitkan kepelbagaiannya unsur budaya dengan cara yang menarik dan unik, berfokus kepada budaya ketara. Teks yang disampaikan menjadi panduan, sumber dan faedah kepada

generasi hadapan sekali gus menarik masyarakat untuk mendalami teks-teks kesusastraan tradisional seperti karya historiografi.

Di samping itu, pendedahan yang dijalankan melalui kajian ini dapat memberi maklumat dan keterangan kepada pihak-pihak tertentu dalam usaha pengumpulan, pemeliharaan dan pemuliharaan hasil budaya ketara. Melalui dapatan kajian ini, diharap memberi panduan kepada badan-badan berwajib bagi meneliti karya historiografi dalam menilai maklumat berkaitan sebagai petunjuk dalam usaha memelihara warisan Melayu. Walaupun badan-badan berkenaan giat menjalankan pelbagai usaha berkaitan warisan budaya, namun penumpuan terhadap butiran berkaitan yang terdapat dalam teks-teks tradisional tidak harus diketepikan. Maklumat tentang budaya ketara menerusi teks dapat dijadikan antara sumber yang sahih dalam usaha memperkayakan unsur budaya masyarakat Melayu.

Seterusnya, kajian ini turut memberi kesedaran dalam penilaian terhadap budaya ketara masyarakat Melayu yang bukan sahaja dapat dilihat dalam bentuk artifak, malah, dapat dinilai melalui hasil tulisan masyarakatnya iaitu historiografi Melayu. Kajian ini juga memberi pendedahan tentang kekayaan ilmu masyarakat Melayu yang terkandung di dalam teks terbabit. Hasil kajian ini juga penting untuk perkembangan akademik dan dunia sastera. Hal ini bersangkutan paut dengan pendedahan kajian yang dapat memberi imej baru kepada historiografi Melayu. Maklumat yang termuat dalam historiografi diharap memberi nilai tambah kepada teks tersebut seterusnya tidak lagi dipandang sebagai karya picisan terutamanya kepada golongan bukan sastera. Hal ini juga bagi membantu menambahkan jumlah kajian yang berkaitan, sekali gus diharap dapat membantu para pencinta sastera dalam membuat rujukan, seterusnya membuat penambahbaikan terhadap kajian ini pada masa akan datang.

## 1.5 Batasan Kajian

Kajian budaya ketara ini akan memberi penelitian terhadap dua buah bahan teks historiografi, bersandarkan kepada beberapa pertimbangan, yang bersesuaian dengan objektif dan keperluan kajian sebagaimana dalam jadual 1.1 pada lampiran 1. Pemilihan bahan kajian adalah berdasarkan beberapa pertimbangan antaranya ialah teks-teks yang dipilih merupakan karya historiografi menggambarkan kegemilangan kerajaan Melayu tradisional sebagaimana yang dinyatakan oleh Mana Sikana (2003: 203), teks historiografi Melayu merupakan teks yang mewakili kegemilangan pemerintahan kesultanan Melayu tradisional. Selain itu, teks historiografi merupakan teks tradisi yang berfokus kepada aspek persejarahan masyarakat Melayu. Menerusi *Sulalatus Salatin*, banyak memaparkan unsur sejarah dari segenap aspek kehidupan masyarakatnya. Hal ini menyebabkan teks tersebut menjadi antara teks penting dalam penceritaan tentang masyarakat Melayu sehingga digelar sebagai *The Masterpiece Of Malay Traditional Historiography* (V. Thilagavathi Gunalan, 1999: 102).

Di samping itu, teks *Misa Melayu* juga turut menjadikan aspek persejarahan bangsa Melayu tradisional Perak sebagai tumpuan utama kandungan teks. *Misa Melayu* membawa kelainan dalam penulisan tradisi Melayu dengan memaparkan aspek

persejarahan sebenar yang rasional dan kukuh sehingga menjadi sumber persejarahan utama (Ahmad Fauzi Mohd Basri, 1992: xix; Husni Abu Bakar, 2015: 181-182).

Kedua-dua teks tersebut juga turut menggambarkan kebudayaan sebenar masyarakat Melayu tradisional. Hal ini diperlihatkan menerusi teks, misalnya dalam *Sulalatus Salatin*, perihal kebudayaan diteliti menerusi tiga pembahagian utama, iaitu politik, ekonomi dan sosial (Haron Daud, 1985). Malah, aspek kebudayaan yang tergambar, turut menarik perhatian penjawat untuk mendalami dan memahami sifat dan cara hidup masyarakat Melayu sebagaimana yang dinyatakan oleh Siti Hawa Haji Salleh (2003: 38), Valentyn menegaskan, pada tahun 1726, para pegawai Belanda yang ditugaskan ke Kepulauan Melayu diwajibkan untuk membawa karya sastera sejarah terutamanya *Sulalatus Salatin* supaya dapat mendalami jiwa masyarakat tempatan.

Sementara itu, teks *Misa Melayu* juga memperlihatkan unsur kebudayaan masyarakat Melayu menerusi sistem pemerintahan kesultanan Melayu Perak, perincian yang digambarkan dalam adat-istiadat Melayu Perak, di samping keadaan sebenar kehidupan masyarakat Melayu tradisional Perak pada ketika itu (Aniss Khalida Khalid, 2012). Penghayatan berkenaan kebudayaan masyarakat Melayu dengan bersumberkan kedua-dua teks tersebut membawa kepada pembuktian wujudnya peradaban masyarakat Melayu tradisional. Hal ini seterusnya dapat membina kembali jati diri bangsa Melayu dalam membangunkan identiti dan ketamadunan masyarakatnya. Oleh hal demikian, berdasarkan pandangan tentang kebudayaan pada teks, kajian ini akan bertumpu kepada aspek berkenaan, yang berfokus kepada budaya ketara dalam kalangan masyarakat Melayu, selaku khalayaknya. Perihal budaya terbabit dinilai berdasarkan aspek ketara, yang dapat dikenal pasti berdasarkan pancaindera, bersandar kepada pembahagian-pembahagian tertentu.

## **1.6 Definisi Operasional**

Bahagian ini akan menjelaskan istilah yang perlu diberikan definisi secara lebih mendalam bagi merujuk penggunaannya dalam pengkajian, iaitu:

### **I. Budaya Ketara**

Budaya ketara atau juga budaya bersifat benda merupakan antara warisan budaya yang dapat dilihat dengan pancaindera termasuk objek, butiran, artifak, struktur pembentukan yang penting dari segi sejarah atau semasa sama ada wujud di atas tanah atau di bawah air tetapi tidak termasuk dalam warisan semula jadi (Akta Warisan Kebangsaan 2005). Berdasarkan Konvensyen Warisan Ketara, budaya ketara disifatkan sebagai warisan yang stabil, statik dan mempunyai ciri-ciri tulen. Nilai ketulenan yang terdapat dalam budaya ketara ialah kesahihan dalam bahan-bahan berdasarkan nilai-nilai fizikal atau kesetiaan kepada objek, kesahihan dalam mutu kerja, kesahihan dalam reka bentuk dan juga kesahihan dalam konteks atau kesetiaan kepada konteks (Susan Petrilli et.al., 2007: 226).

Ketulenan ini juga dapat dilihat melalui ciri-ciri visual yang terdapat dalam budaya ketara. Ciri-ciri tersebut menjadi ikon identiti dan mempunyai nilai sejarah yang tersendiri. Tambahan pula, unsur budaya yang ditonjolkan menjadi sumber asas dalam memahami perhubungan atau kaitan kompleks antara warisan, memori dan identiti. Selain itu, walaupun budaya ketara ini boleh ditiru, dipalsukan atau dibina semula menggunakan bahan-bahan baru, namun nilai identiti dan entiti fizikal tidak dapat dipalsukan. Pada masa yang sama, hal ini menunjukkan bahawa budaya ketara merupakan warisan dari masa lalu yang kekal hingga kini. Hal ini kerana budaya ketara tersebut ditentukan oleh pemahaman maklumat luaran sumber-sumber tersendiri dengan bukti penemuan yang dijumpai (Henry Cleere, 1984: 4-5).

Selain itu, budaya ketara yang wujud mempunyai pembahagian tertentu. Menurut Laporan Prestasi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan 2004-2007, budaya ketara ini juga merujuk kepada sesuatu yang kekal dilihat dan dipegang sama ada statik atau mudah alih. Pembahagian budaya ketara tersebut setiap satunya dapat dipecahkan kepada beberapa bahagian. Budaya ketara statik merupakan warisan budaya yang berada di tempat terbuka, iaitu terdiri dari kawasan bersejarah, bangunan bersejarah dan arca (Galla, 2001: 8). Manakala budaya ketara mudah alih pula biasanya dikenal pasti berada dalam sesebuah ruang, antaranya benda atau objek warisan budaya, karya seni, dokumen atau manuskrip, dan bahan media (Galla, 2001: 10).

Sementara itu, pembahagian budaya ketara menurut *World Heritage Convention* (UNESCO, 1995), budaya ketara statik terbahagi kepada tiga kategori, iaitu monumen, kelompok bangunan dan kawasan bersejarah. Pembahagian monumen dalam konteks ini merupakan hasil karya arkitek atau tukang seni, patung, lukisan monumental, elemen atau struktur tinggalan arkeologi, prasasti, gua tempat tinggal, dan kombinasi ciri-ciri tertentu yang mempunyai nilai sejarah budaya dan ilmu pengetahuan. Kelompok bangunan pula merupakan kelompok bangunan terpisah yang mempunyai perkaitan dari aspek reka bentuk, unsur dan kedudukan yang mempunyai nilai sejarah, budaya dan ilmu pengetahuan. Kawasan sejarah pula adalah hasil karya manusia atau gabungan karya manusia dengan alam, wilayah yang mencakupi lokasi yang mengandungi tinggalan arkeologi yang mempunyai nilai penting kepada aspek persejarian, budaya dan ilmu pengetahuan. Hal ini menjelaskan bahawa budaya ketara merupakan hasil atau produk buatan manusia dan alam yang mengandungi nilai sejarah, budaya dan ilmu pengetahuan. Kawasan sejarah yang dikategorikan sebagai budaya ketara pula merupakan kawasan yang menempatkan objek atau produk budaya ketara tersebut (UNESCO, 1995).

Pemilihan fokus hanya bertumpu kepada budaya ketara disebabkan terdapat keistimewaan dan kelebihan yang terkandung di sebalik wujudnya budaya tersebut. Dalam pembinaan sesebuah peradaban, elemen material dan nilai moral adalah sangat penting (Wan Hashim Wan Teh, 2001: 72). Elemen material dapat dilihat pada budaya ketara, manakala elemen nilai pula diwakili oleh budaya tidak ketara. Kedua-dua jenis budaya ini pada dasarnya saling berkait antara satu sama lain. Terdapat penghujahan yang menyatakan terdapat nilai-nilai budaya tidak ketara dalam budaya ketara. Budaya tidak ketara memberi pemaknaan kepada budaya ketara. Perkaitan atau hubungan ini wujud bagi meningkatkan penghargaan terhadap objek budaya tersebut. Hal ini

bermaksud, melalui nilai-nilai tidak ketara, identiti dan nilai-nilai budaya ketara dapat ditonjolkan seterusnya meningkatkan kualiti budaya ketara berkenaan. Namun begitu, elemen-elemen tersebut tidak semestinya menjadi nilai utama dalam budaya ketara.

Pembahagian ini pada dasarnya sukar untuk dilakukan terutama berkaitan hasil budaya seperti artifak dan amalan budaya yang dilihat sebagai warisan yang mempunyai kedua-dua unsur tersebut. Namun begitu, menurut Deacon (Brian Graham et.al., 2008:4), tiada hasil budaya yang tidak mempunyai nilai-nilai budaya ketara walaupun pada hakikatnya, budaya ketara hanya boleh ditafsirkan melalui budaya tidak ketara. Namun begitu, nilai budaya tidak ketara hanya terungkap apabila adanya elemen pada budaya ketara dan hubungan antara kedua-dua pembahagian ini diterokai dalam konteks objek atau hasil budaya (Brian Graham et.al., 2008: 4). Oleh itu, hal ini dapat disimpulkan bahawa semua hasil budaya ketara mempunyai nilai-nilai budaya tidak ketara, namun, tidak semua hasil budaya tidak ketara mempunyai bentuk budaya ketara. Hal ini juga menarik kerana budaya ketara mudah untuk dikenali dan dibezakan kerana sifatnya yang berbentuk (Laurajane Smith et.al., 2009: 210).

### **1.7      Kesimpulan**

Kesimpulannya, budaya ketara memberi gambaran pencapaian masyarakat dalam membina tamadun bangsanya. Hasil budaya tersebut jelas menunjukkan tatacara kehidupan khalayak meliputi ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam memenuhi kehendak masyarakat. Pencapaian-pencapaian tersebut menggambarkan ketinggian warisan budaya malah menjadi salah satu aspek penting pembinaan tamadun sesebuah bangsa. Budaya ketara juga menampilkan ciri-ciri tertentu, yang di dalamnya terkandung budaya tidak ketara, sebagai salah satu ciri penting dalam penilaianya di samping menjadi nilai tambah terhadap budaya ketara terbabit. Hal ini hakikatnya dapat diteliti menerusi teks historiografi seperti *Sulalatus Salatinism* dan *Misa Melayu* seterusnya menjadi bukti unggul pencapaian masyarakat Melayu. Malahan, teks tersebut mampu memancarkan keintelektualan, identiti dan daya fikir masyarakat Melayu yang menjurus kepada keseluruhan cara hidup masyarakatnya. Oleh itu, penelitian budaya ketara berdasarkan teks tersebut, jelas memaparkan pencapaian masyarakat Melayu, berdasarkan hasil budaya ketara seterusnya menggambarkan ketamadunan khalayak tersebut.

## RUJUKAN

- A.Samad Ahmad. 1979. *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Ahmad. 1990. *Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua*. Melaka: Associated Educational Distributors (M).
- Ab Aziz Bin Shuaib. Seni Ukiran Kayu Tradisional Kelantan- Manifestasi Nilai Pengukir. Seminar Warisan Nusantara & Bicara Kraf Warisan di Universiti Malaysia Sabah pada 9-11 Disember 2011.
